

# Sukan Massa Memberi Peluang Kepada Mahasiswa Untuk Bersukan

oleh: Noreffa Syawati

ISNIN, 17 Mac – Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Sukan Massa di Kompleks UMS selama dua hari pada 15 dan 16 Mac lalu.

Penganjuran Sukan Massa pada kali ini hanya melibatkan tiga jenis sukan sahaja iaitu Sepak Takraw, Futsal (lelaki dan wanita) dan Bola Tampar (lelaki dan wanita).

Menurut Encik Macson yang merupakan salah seorang penganjur, "Sukan Massa kali ini hanya melibatkan tiga sukan sahaja yang dipertandingkan. Hal ini kerana keadaan stadium berbumbung yang memudahkan peserta mengikuti pertandingan tersebut dan menampakkan lagi kemeriahkan sukan tersebut".

"Penyertaan sukan Massa ini terbuka kepada semua mahasiswa yang bermintah dan tiada yuran penyertaan dikenakan kepada peserta," tambahnya lagi.

Dalam acara sepak takraw, johan dimenangi oleh pasukan Libas dan diikuti pasukan



**Peserta Sukan Massa UMS**

Temam dan SPKS.

Pasukan Puok Tuyuk telah menjuarai kategori Futsal Lelaki dan diikuti oleh pasukan Ketam FC dan Kenyalang FC. Manakala bagi kategori Futsal Wanita pula, pasukan Bola-Bola Kampung mendapat tempat pertama dan tempat kedua Energetic Pugut dan diikuti pasukan Energetic 2.

Dalam kategori Bola Tampar Lelaki pula, gelaran johan disambar oleh pasukan BTT, naib johan adalah pasukan Rungus Team dan tempat ketiga adalah pasukan Garuda. Bagi kategori Bola Tampar Wanita, johan adalah UMS Junior, kedua pasukan Last Minute dan ketiga pasukan Energetic Pugut.

"Penyertaan sukan Massa kali ini amat menggalakkan daripada mahasiswa UMS. Pelaksanaan program ini dapat melahirkan mahasiswa yang sihat selain menumpukan perhatian pada akademik di bilik kuliah sahaja," jelasnya.

Perasmian penutupan sukan Massa ini telah dirasmikan oleh Encik Asyraf Abdullah, Pengarah Pusat Sukan UMS.